

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [ RASAH ]**  
**SOALAN : Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta**  
**MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS**  
**TANI menyatakan:-**

(a) perkembangan terkini mengenai isu eksport sarang burung walit ke China; dan  
(b) apakah langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk memantau eksport sarang burung walit keluar negara serta memastikan kepentingan pengusaha terjamin.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

(a) Pengeksportan sarang burung walit (SBW) ke Republik Rakyat China (RRC) telah pulih setelah pihak RRC menarik balik sekatan import dan dipersetujui serta diluluskan Iapan (8) buah loji pemprosesan SBW mentah bersih (*raw clean edible birdnest*) dari Malaysia pada 25 Disember 2013.

Terkini, sebanyak sebelas (11) lagi loji pemprosesan SBW mentah bersih dalam status kelulusan terakhir daripada pihak berkuasa *Certification and Accreditation Administration of China (CNCA)*, RRC sekaligus dijangka akan dapat meningkatkan lagi pengekportan SBW ke negara tersebut.

Bagi tahun 2014, sebanyak 6.24 tan metrik SBW telah dieksport ke RRC setelah sekatan ditarik balik berbanding hanya 3.93 tan metrik sahaja sepanjang tahun 2013.

- (b) Antara langkah pemantauan pengekportan SBW yang diambil Kementerian melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) adalah dengan melakukan pemantauan pematuhan secara berkala melibatkan Persijilan Skim Amalan Ladang Ternakan di bawah program MyGAP, Amalan Pengilangan Yang Baik atau '*Good Manufacturing Practice*' (GMP) dengan persijilan '*Code of Good Veterinary Hygienic Practice*' (GVHP) dan '*Veterinary Health Mark*' (VHM).

Premis perladangan walit juga didaftar dan diberi Premis ID di bawah program Daya Jejak (*Traceability*). Ini bertujuan bagi memastikan program daya jejak yang sistematik dilaksanakan di sepanjang rantaian nilai produk SBW sebelum ianya dieksport keluar negara.

Selain itu, pelbagai latihan pengukuhan sistem kepastian kualiti, khidmat nasihat serta perbincangan dua hala berhubung perkembangan industri juga dilaksanakan secara berterusan kepada golongan sasar.

Kesemua pendekatan ini dilakukan Kementerian bertujuan memastikan industri SBW ini berkembang secara mapan serta berdaya saing dengan penghasilan produk yang mematuhi piawaian antarabangsa dari segi Keselamatan Makanan (*Food Safety*).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Tuan Teo Kok Seong  
[ Rasah ]

**SOALAN :** 311

**Tuan Teo Kok Seong [ Rasah ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- a) perbelanjaan penyelenggaraan landasan dan semboyan laluan operasi KTM Komuter (Rawang-Sungai Gadut dan Batu Caves-Pelabuhan Klang) setiap tahun dari tahun 2010 hingga 2014; dan
- b) bilakah sistem semboyan akan dinaik taraf atau diperbaharui dan kos yang terlibat.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Perbelanjaan penyelenggaraan landasan dan semboyan bagi laluan operasi KTM Komuter untuk sektor Rawang - Sungai Gadut dan Batu Caves - Pelabuhan Klang bagi tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti berikut:

- i) Penyelenggaraan Landasan:

<b>Tahun</b>	<b>RM Juta</b>
2010	8.97
2011	7.59
2012	11.14
2013	10.07
2014	13.49
<b>Jumlah</b>	<b>51.26</b>

- ii) Penyelenggaraan Semboyan:

<b>Tahun</b>	<b>RM Juta</b>
2010	5.69
2011	5.01
2012	6.36
2013	3.89
2014	4.23
<b>Jumlah</b>	<b>25.18</b>

- b) Sistem persempayanan keretapi sentiasa dinaiktaraf dan diperbaharui dari masa ke semasa mengikut keperluan berdasarkan teknologi terkini. Pihak Kerajaan melalui inisiatif di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Rancangan Malaysia ke-10 telah memperuntukkan sejumlah dana RM356 juta untuk projek menaiktaraf sistem persempayanan.